

Berita baik buat 150 penyewa, Bukit Bintang Plaza tidak akan diroboh

KUALA LUMPUR 3 Julai - Berita baik buat 150 penyewa di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) di sini.

Ini kerana mereka kini tidak perlu lagi bimbang akan kehilangan tempat berniaga kerana bangunan itu tidak akan dirobohkan.

Selepas rundingan di antara Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) dan UDA Holdings Berhad (UDA), MRT Corp. telah bersetuju untuk mengubah pelan reka bentuk stesen My Rapid Transit (MRT) agar ia tidak perlu membabitkan secara lang-

sung kawasan BB Plaza.

MRT Corp dan UDA dalam kenyataan bersama hari ini berkata, berdasarkan pelan baru itu, stesen sentral BB akan dibina berasingan bagi mengelakkannya dari bersepadu secara langsung dengan bangunan BB Plaza.

Bagaimanapun, perubahan pelan itu akan memungkinan persepaduan pada masa akan datang apabila BB Plaza dibangunkan semula, kata kenyataan itu.

Berdasarkan reka bentuk pelan

yang diubah, bangunan BB Plaza atau bangunan pejabat UDA juga tidak perlu dimusnahkan bagi meletakkan perkakasan pembinaan stesen sentral BB.

Namun, menurut kenyataan itu, stesen sentral BB akan dapat diakses secara terus melalui laluan di bahagian bawah BB Plaza.

“Sepanjang pembinaan dijalkan, laluan pejalan kaki yang mengakses ke BB Plaza dari pintu masuk hadapan akan kekal dibuka.

“Bagi kawasan yang terlibat de-

ngan projek pembinaan, laluan pejalan kaki khas akan dibuat bagi melindungi pengguna awam dan pejalan kaki yang lain,” kata kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan bersama tersebut, papan tanda berbunyi “perniagaan berjalan seperti biasa” akan diletakkan di tempat strategik terutamanya di kawasan-kawasan yang terlibat dengan pembinaan stesen sentral BB.

Bagaimanapun, sebahagian Jalan Bulan 1 yang menghubungkan

Jalan Bukit Bintang akan ditutup sementara bagi kerja-kerja pembinaan MRT.

Penutupan jalan itu berkuat kuasa 30 November depan dan dijangka ditutup selama empat tahun.

Malah, beberapa pengendali restoran dan kedai makanan berhampiran Jalan Bulan 1 dan BB Plaza terpaksa menamatkan perniagaan masing-masing.

Demikian juga tiada akses ke Metrojaya sepanjang penutupan jalan tersebut.